

Penularan COVID-19

# MAEPS diaktifkan kembali

Peningkatan kes mendadak susulan program saringan pekerja asing PERKESO

Oleh Safeek Affendy Razali  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Taman Ekspo Pertanian Malaysia Serdang (MAEPS) diaktifkan kembali sebagai Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 (PKRC) atau MAEPS 2.0 bermula semalam untuk merawat pesakit bukan warganegara.

Keputusan untuk mengaktifkan PKRC MAEPS 2.0 berikutan peningkatan kes COVID-19 secara mendadak susulan pelaksanaan program saringan pekerja asing oleh Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO).

Menteri Kanan Keselamatan, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata skop operasi MAEPS 2.0 adalah membabitkan pesakit COVID-19 kategori satu, iaitu tanpa gejala dan kategori dua membabitkan pesakit gejala ringan.

"PKRC ini hanya akan menempatkan pesakit bukan warganegara sahaja dan ia membabitkan pemindahan pesakit COVID-19 dari Institut Latihan Kementerian Kesihatan Malaysia (ILKKM) Sungai Buloh.

"Berbanding hanya 604 katil sebelum ini ketika MAEPS 1.0, ketersediaan katil di PKRC MAEPS 2.0 adalah dengan anggaran sebanyak 10,000 katil berdasarkan tiga fasa," katanya pada sidang media harian COVID-19, semalam.

MAEPS kali pertama diaktif-



**Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 atau MAEPS 2.0 diaktifkan semula bermula semalam untuk merawat pesakit bukan warganegara.** (Foto Saifullizan Tamadi/BH)

kan sebagai PKRC pada 16 April dan ditutup 15 Julai lalu.

Ismail Sabri berkata, Fasa Satu membabitkan penggunaan 3,000 katil, Fasa Dua 3,300 katil dan Fasa Tiga membabitkan penggunaan 3,700 katil.

"Memandangkan PKRC MAEPS 2.0 akan menempatkan warga asing dalam jumlah kapasiti yang tinggi, aspek keselamatan akan dipertingkatkan lagi oleh Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM)," katanya.

Sementara itu, Timbalan Menteri Kesihatan II, Datuk Aaron Ago Dagang, berkata Kementerian Kesihatan (KKM) sudah meningkatkan kapasiti katil di hospital COVID-19 serta Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 berisiko rendah (PKRC), katil Unit Rawatan Rapi (ICU), kapasiti ujian makmal serta mobilisasi sumber manusia bagi memastikan sistem rawatan kesihatan di Sabah terus mapan dalam membendung COVID-19.

Sehingga 7 Disember lalu, Sa-

bah mempunyai lapan hospital COVID-19 dan 36 PKRC, dengan jumlah katil meningkat kepada 7,031 katil dengan tahap penggunaan kini adalah 30 peratus.

"Katil ICU juga ditambah daripada 60 katil pada September tahun ini, sekarang sudah meningkat kepada 130 katil. Kita juga meningkatkan jumlah ventilator di Sabah dan penggunaan ventilator daripada 193 (ventilator) cuma 32 peratus.

"Kapasiti ujian makmal juga dipertingkatkan. Sekarang di Sabah kita dapat membuat ujian dalam lingkungan 2,600 dan dalam empat atau lima buah hospital telah dilengkapi dengan makmal," katanya pada persidangan Dewan Rakyat semalam.

Beliau menjawab soalan Ma'mun Sulaiman (Warisan-Kalabakan) mengenai tahap kesiapsiagaan dan tindakan yang diambil dalam usaha membendung penularan wabak COVID-19 serta menangani rawatan pesakit yang meruncing di Sabah.

Ma'mun juga ingin tahu sama

ada kelengkapan peralatan perubatan dan ubat-ubatan di pusat kesihatan seperti hospital serta bilangan kakitangan kesihatan mencukupi dalam menghadapi krisis wabak COVID-19 di seluruh Sabah.

Aaron berkata, sehingga 6 Disember, sejumlah 2,023 petugas kesihatan dimobilisasi dari seluruh negara termasuk dari kawasan pedalaman Sabah bagi membantu usaha saringan di lapangan dan rawatan perubatan.

Selain itu, aspek logistik dan penghantaran sampel juga ditambah baik bagi membolehkan keputusan ujian dapat diperolehi dengan cepat.

Kerajaan turut mengambil pelbagai langkah lain bagi meningkatkan kesiapsiagaan dan respons bagi mengawal penularan aktif COVID-19 dengan memperingkatkan aktiviti pengesanan kes dan kontak secara aktif di lapangan, memastikan pematuhan prosedur operasi standard (SOP) serta penggunaan aplikasi MySejahtera, katanya.